

# PERANAN DAN PERKEMBANGAN TABUNG IMIGRASI TAMIL DI TANAH MELAYU, 1907-1938

Pushpavalli A. Rengasamey  
Sivachandralingam Sundara Raja<sup>1</sup>

## Abstract

This article examines the role and the development of the Tamil Immigration Fund in Malaya during British colonial rule. The Fund was constituted as 'The Tamil Immigration Fund Ordinance; Straits Settlements Ordinance' in 1907 to recruit labourers from south India. Prior to 1907, the recruitment was carried out by individual estates at their own expenses, either through Agency Houses in Negapatam or licenced recruiters known as Kanganyies. The labourers were brought to Malaya at considerable expense and many were subsequently induced, through offer of higher wages or better working conditions, to leave the employers who recruited them to work elsewhere. Efforts to control the 'crimping' of labour were not successful because of the large demand for labour generated. The only solution to the 'crimping' problem was the creation of the Tamil Immigration Fund and Immigration Committee in 1907. Through the fund, the British managed to control the flow of Indian labourers and overcome the limitations of the old recruitment systems known as the Indentured and Kangany systems. This article shows that on the whole, the Fund succeeded in resolving the investors/employers problem and the need for the British to acquire cheap labour.

**Keywords:** South Indian labourers, Tamil Immigration Fund, Indian Immigration Committee, Malaya

## Pengenalan

Kehadiran British di Negeri-negeri Melayu (NNM) mulai pertengahan abad ke-19 menyaksikan negeri-negeri ini mengalami pertumbuhan ekonomi yang pesat dan peningkatan dalam pengeluaran hasil tanaman komersial seperti kopi, tebu dan getah dan galian seperti bijih timah dan emas.<sup>2</sup> Peningkatan dalam pengeluaran hasil pertanian dan perlombongan memerlukan tenaga buruh yang ramai dari negara luar dan ini mendorong British memikirkan mekanisme khusus untuk merekrut buruh India, Cina dan Jawa untuk mengusahakan tanaman komersial dan bijih timah. Dalam kerangka inilah Tabung Imigrasi Tamil<sup>3</sup> dibentuk bagi membawa buruh-buruh Tamil dari India Selatan untuk memajukan tanaman getah dalam sektor perladangan. Artikel ini akan memperinci peranan dan perkembangan Tabung Imigrasi Tamil dalam era pertumbuhan dan perkembangan ekonomi kolonial British di Tanah Melayu dari tahun 1907-1938. Turut dinilai bagaimana penubuhan Tabung ini berjaya menyelesaikan

masalah kapitalis British dan keperluan tenaga buruh murah untuk kerajaan British yang sedang rancak mengeksploitasi ekonomi NNM pada awal abad ke-20.

Penulisan ini adalah kajian rintis dalam mengesan perkembangan Tabung Imigrasi Tamil sejak penubuhan sehingga ditamatkan kemasukan buruh tidak mahir dari India mulai tahun 1938. Literatur tentang perburuhan India di koloni British memang banyak<sup>4</sup> tetapi kebanyakannya memberikan tumpuan kepada dorongan membawa buruh ke tanah jajahan dan reaksi buruh terhadap penindasan majikan. Tiada kajian yang bersifat mikro seperti yang cuba diusahakan dalam makalah ini. Walaupun terdapat beberapa kajian yang menghalkan tentang tajuk ini<sup>5</sup> tetapi sebahagian besarnya tidak mengesan asal usul Tabung yang berkait dengan desakan golongan kapitalis di NNM (Kesatuan Peladang) dan pertimbangan pegawai-pegawai Inggeris ataupun *Men on the spot* seperti Residen General dan Pesuruhjaya Tinggi; perincian terhadap Ordinan Tabung, cara perkiraan nilai taksiran, rasional perubahan nama Tabung daripada Tabung Imigrasi Tamil kepada Tabung Imigrasi India dan kejayaan Tabung dalam menyelesaikan masalah pelabur dan pentadbir British di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB). Di samping itu, kebanyakan penyelidik sebelum ini hanya bergantung kepada sumber Minit Mesyuarat Jawatankuasa Imigrasi India, Laporan Tahunan Jabatan Imigrasi dan Laporan Tahunan Jabatan Buruh untuk menulis tajuk ini. Penulisan ini pula telah menggunakan sumber-sumber baru seperti Laporan Tahunan Kesatuan Peladang, surat-menyurat Pesuruhjaya Tinggi, Ordinan Tabung Imigrasi Tamil, Rekod Pejabat Tanah Jajahan (CO 273), Rekod Pesuruhjaya Tinggi, Prosiding Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Gazet Kerajaan.

## Sejarah penubuhan tabung imigrasi Tamil

Tabung Imigrasi Tamil ditubuhkan pada tahun 1907 dan ia berkait rapat dengan kaedah merekrut buruh Tamil dari India Selatan ke Negeri-negeri Selat (NNS) dan NNMB. Tabung telah membawa satu perubahan besar dalam sistem merekrut buruh Tamil menggantikan kaedah merekrut lama. Terdapat beberapa senario penting yang mempengaruhi keperluan Tabung. Revolusi Perindustrian dan pembangunan produksi secara besar-besaran di Britain pada pertengahan kedua abad ke-19 telah membawa kepada eksploitasi tanah jajahan untuk sumber bekalan bahan mentah dan pasaran bagi barangan siap keluaran Britain.<sup>6</sup> Dalam memastikan tanah jajahan membekalkan bahan mentah yang berterusan, British telah menjalankan dasar *laissez-faire*<sup>7</sup> dengan memberikan kebebasan kepada pelabur untuk bergiat di koloni British. Untuk menarik dan mengekalkan pelaburan modal, kerajaan British telah membekalkan tenaga buruh yang diperlukan bagi tanah-tanah jajahannya. Dalam konteks ini, buruh Tamil telah dibawa masuk ke Mauritius, Kepulauan Hindia Barat, Guiana, Honduras, Natal, German East Africa (kini dikenali sebagai Kenya dan Tanganyika), Fiji, Assam, Ceylon dan NNS.<sup>8</sup> Tanah Melayu juga tidak terlepas daripada arus ini disebabkan wujud desakan dan keperluan tenaga buruh Tamil yang sangat tinggi ekoran perkembangan sektor perladangan getah pada tahun 1906.<sup>9</sup> Keperluan buruh Tamil yang mencukupi dan murah adalah penting untuk mengerjakan ladang-ladang getah dan menarik serta mengekalkan pelaburan modal tempatan dan asing di Tanah Melayu.<sup>10</sup>

Sejarah Tabung dapat dikesan sebelum tahun 1907 apabila kesemua pengimportan buruh Tamil dari India Selatan dilakukan oleh setiap majikan dengan perbelanjaan sendiri. Akibatnya, perbelanjaan yang sangat tinggi<sup>11</sup> terpaksa ditanggung oleh

majikan yang merekrut buruh Tamil melalui saluran agensi perdagangan (*agency houses*) di Negapatam, India ataupun melalui agen-agen berlesen yang dikenali sebagai Kangani. Kebergantungan terhadap buruh kontrak dianggap terlalu mahal dan bilangan mereka selalunya tidak mencukupi. Pihak majikan pula dibebani dengan masalah '*crimping*'<sup>12</sup> dan kaedah lama merekrut buruh Tamil pula mempunyai banyak kelemahan dan menyebabkan tidak dapat memenuhi permintaan buruh Tamil yang semakin meningkat.<sup>13</sup> Pihak majikan yang mengimport buruh Tamil pula kurang puas hati dan mula menunjukkan bantahan. Keadaan ini telah memaksa kerajaan British beralih kepada satu sistem merekrut buruh Tamil yang lebih cekap dengan menubuhkan Tabung Imigrasi Tamil dan Jawatankuasa Imigrasi untuk mengurus Tabung dan mengawal selia urusan pengambilan buruh Tamil ke Tanah Melayu.

Penubuhan Tabung juga dapat dikesan hasil daripada peranan yang dimainkan oleh Kesatuan Peladang. Hal ini dapat dikesan dengan adanya desakan daripada tiga kesatuan peladang yang penting iaitu *United Planters' Association*, *Johore Planters' Association* dan *Malay Peninsula Agricultural Association*.<sup>14</sup> Kesatuan-kesatuan ini dalam satu mesyuarat pada tahun 1906, telah mendesak kerajaan British menubuhkan satu Biro Buruh Pusat untuk mengimport buruh dari India dan *Netherlands East Hindies* (Indonesia) bagi mengatasi masalah kekurangan buruh di ladang-ladang mereka dan mewujudkan satu sistem pendaftaran buruh bagi menyelesaikan masalah *crimping*.<sup>15</sup> Sebagai respon kepada desakan Kesatuan Peladang, Sir John Anderson, Gabenor NNS telah mengarahkan Sir William Taylor,<sup>16</sup> Residen-Jeneral NNMB ke Madras untuk memeriksa dan melaporkan tentang kemampuan agensi kerajaan dan swasta (*Agency of the Malay Peninsula Agricultural Association*) yang sedia ada dalam urusan merekrut dan menghantar buruh dari Selatan India serta meninjau sama ada usaha penyelarasan boleh meningkatkan dan memudahkan pengimportan buruh dari India Selatan.<sup>17</sup> William Taylor yang kembali dari India telah mencadangkan penubuhan Agen Imigrasi di India; perlantikan sebuah Jawatankuasa Imigrasi dan pengenalan undang-undang yang mengkehendaki semua urusan merekrut buruh Tamil ke NNS dan NNMB dijalankan di bawah penyeliaan Jawatankuasa Imigrasi. Beliau turut mencadangkan penggubalan satu enakmen untuk menaksir dan mengenakan cukai taksiran kepada semua majikan yang merekrut buruh Tamil dan menyalurkan cukai tersebut ke dalam satu tabung yang boleh digunakan untuk menampung kos merekrut buruh Tamil. Motif sebenar penubuhan Jawatankuasa ini dinyatakan oleh G.E. Turner iaitu *One of the reason why the Indian Immigration Committee came into being was to stop all the burden of importing labour being thrown into a few for the benefit of the many*.<sup>18</sup> Sir John Anderson, Gabenor NNS telah menerima cadangan Taylor dan selepas mendapat perakuan daripada Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British pada Januari 1907,<sup>19</sup> telah melantik sebuah badan amanah yang dikenali sebagai Jawatankuasa Imigrasi pada 13 Mac 1907. Jawatankuasa ini tertakluk kepada perlembagaan Seksyen 3, '*The Tamil Immigration Fund Ordinance; Straits Settlements Ordinance*' (No.XVII, 1907).<sup>20</sup> Penubuhan Tabung dan Jawatankuasa Imigrasi berkait rapat dengan buruh Tamil di ladang-ladang getah kerana ia menjadi pusat atau jentera yang akan merekrut buruh Tamil dalam skala yang besar.

### **Struktur organisasi dan tugas jawatankuasa imigrasi**

Struktur organisasi Jawatankuasa Imigrasi yang bertanggungjawab mentadbir Tabung terdiri daripada lapan orang ahli, iaitu tiga orang pegawai kerajaan (*ex-officio*) dan lima

orang peladang Eropah. Tiga orang pegawai kerajaan terdiri daripada Superintenden Imigrasi, Pengurus Besar Keretapi dan pakar bedah dari negeri Perak.<sup>21</sup> Mengikot peruntukan Seksyen 3, Ordinan Tabung, Pesuruhjaya Tinggi NNMB telah melantik Ahli Jawatankuasa Imigrasi yang terdiri daripada L.H. Clayton, Superintenden Imigren, NNMB dan NNS (selaku Pengerusi), Pengurus Besar Keretapi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Pakar Bedah Negeri Perak, John Turner dari Pulau Pinang, R.W. Harrison, Esq dari Selangor, C.M. Cumming, Esq dari Negeri Sembilan, C.E. Spooner, Esq., C.M.G., Francis Pears, Esq. dan F.D. Osborne, Esq.<sup>22</sup> Ordinan Tabung telah mendefinisikan empat tugas utama kepada Jawatankuasa Imigrasi. Ia termasuklah mentadbir Tabung Imigrasi Tamil; menjalankan tugas-tugas yang diserahkan kepada Jawatankuasa Imigrasi menurut Ordinan No.197 (Buruh); mengeluarkan lesen-lesen kepada perekrut (yang dikenali sebagai Kangani) untuk merekrut buruh di Presidensi Madras dan menasihati kerajaan British dalam hal ehwal berkaitan buruh Tamil.<sup>23</sup> Pada dasarnya, tugas utama Jawatankuasa Imigrasi adalah mengurus Tabung, menasihati kerajaan British dalam hal ehwal berkaitan imigrasi buruh Tamil dan menjawab sebarang persoalan berkaitan pengimportan buruh Tamil dari India.

Bagi merangsang imigrasi buruh Tamil, Ordinan Tabung telah menentukan garis panduan berkaitan pengendalian Tabung. Hal ini dapat diperhatikan apabila Superintenden Imigrasi selaku pengerusi Jawatankuasa Imigrasi telah menggariskan perkara-perkara yang perlu dilakukan segera dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa Imigrasi yang diadakan di Pulau Pinang pada pada 22 Mac 1907.<sup>24</sup> Pengerusi telah menerangkan keadaan semasa tentang imigrasi buruh Tamil dan memberi penekanan kepada isu permintaan buruh yang semakin meningkat. Beliau menjelaskan bahawa tindakan segera diperlukan dari pihak kerajaan untuk menangani permintaan buruh yang tinggi kerana kegagalan untuk memenuhi permintaan yang tinggi akan menyebabkan upah buruh meningkat secara mendadak. Keadaan ini disebabkan oleh tindakan segelintir peladang yang telah menjanjikan upah yang tinggi untuk mendapatkan tenaga buruh yang mencukupi. Tindakan peladang secara tidak langsung akan menggugat harga getah di pasaran antarabangsa. Oleh sebab itu, Pengerusi menimbulkan keperluan untuk merangsang imigrasi buruh dari India Selatan dan menarik perhatian buruh Tamil ke Tanah Melayu serta meminta ahli-ahli jawatankuasanya mencadangkan tindakan yang boleh diambil.

John Turner, seorang ahli Jawatankuasa Imigrasi telah mengutarakan pendapatnya bahawa sebuah skim percukaian diperkenalkan untuk merekrut buruh Tamil dalam skala besar. Kesemua ahli Jawatankuasa Imigrasi bersetuju sebulat suara untuk memulakan satu sistem percukaian yang dikenakan kepada semua majikan yang merekrut buruh Tamil dan penubuhan Tabung Imigrasi Tamil. Pada mesyuarat berikutnya yang diadakan pada 14 April 1907 di *Court House*, Ipoh, ahli-ahli Jawatankuasa Imigrasi telah mengemukakan cadangan berkaitan peraturan-peraturan dalam pengendalian Tabung.<sup>25</sup> Selepas mendapat kebenaran dan pengiktirafan daripada kerajaan Persekutuan, kesemua cadangan dan peraturan tersebut telah disusun membentuk ordinan yang dikenali sebagai Ordinan Tabung Imigrasi Tamil, Bil. 38, Jld. 19, 1907, Ordinan NNS pada September 1907.<sup>26</sup>

Ordinan Tabung dikuatkuasakan mulai 1 Januari 1908 di Pulau Pinang dan Melaka.<sup>27</sup> Satu ordinan yang sama telah diluluskan di NNMB dan di Johor. Skim ini hanya ditujukan kepada komuniti peladang di NNS, NNMB dan Johor.<sup>28</sup> Singapura

dikecualikan daripada skim ini.<sup>29</sup> Tabung ini sebenarnya bermula dengan modal pinjaman sebanyak \$50,000 daripada NNMB dan \$5,000 daripada kerajaan Johor.<sup>30</sup> Pinjaman ini bertujuan menampung tambang tiket kapal stim buruh Tamil bagi tempoh tiga bulan pertama pada tahun 1908.<sup>31</sup> Ordinan Tabung mengandungi sembilan perkara yang harus dipatuhi. Antaranya ialah buruh Tamil dalam Ordinan Tabung merujuk kepada '*Asiatic Native of the Madras Presidency of British India*' dalam lingkungan umur empat belas dan ke atas,<sup>32</sup> yang diambil bekerja dalam kerja-kerja yang disenaraikan dalam jadual Ordinan Tabung dan sebarang kerja lain yang diarahkan oleh Residen-Jeneral. Ia termasuklah kerja-kerja pertanian (termasuk pemuliharaan tanaman dan penghantaran tanaman ke pusat pemuliharaan); pembinaan dan penyelenggaraan jalanraya; pembinaan dan penyelenggaraan terusan dan tali-tali air; pembinaan landasan keretapi, penyelenggaraan dan kerja-kerja lain; pembinaan, penyelenggaraan dan kerja-kerja awam atau untuk kebaikan awam; perlombongan dan kerja-kerja di lombong-lombong; kuari dan pemecahan batu; serta pembuatan batu-bata. Ordinan Tabung mengecualikan seseorang buruh yang ditugaskan khas untuk bekerja di kebun-kebun kediaman orang kenamaan dan dalam pentadbiran atau kerja-kerja perkeranian daripada melakukan kerja-kerja yang disenaraikan dalam jadual Ordinan Tabung.<sup>33</sup> Ordinan Tabung mengarahkan semua majikan menyimpan buku pendaftaran dalam bahasa Inggeris yang bertujuan untuk menyimpan rekod berkaitan jumlah buruh Tamil yang diambil bekerja, jumlah hari kerja dan upah yang diterima oleh pekerja.<sup>34</sup> Ordinan Tabung turut memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa Imigrasi untuk mengenakan levi atau cukai taksiran kepada semua majikan yang mengambil buruh Tamil bekerja di ladang-ladang mereka berdasarkan jumlah hari yang mereka bekerja. Sehubungan dengan itu, Ordinan Tabung telah mewajibkan semua majikan yang mengimport buruh Tamil membayar cukai taksiran tidak melebihi \$5 bagi setahun ke atas semua buruh Tamil.

Ordinan Tabung menjelaskan cara perkiraan nilai taksiran. Nilai taksiran dikira dengan membahagikan jumlah hari bekerja semua buruh Tamil dengan jumlah hari kerja yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Imigrasi. Angka yang diperolehi akan didarabkan dengan kadar taksiran untuk setiap suku tahun. Andaikan seorang majikan dengan suatu kumpulan buruh Tamil bekerja selama tiga bulan, maka jumlah hari kerja yang dilakukan ialah 9000 hari. Jawatankuasa Imigrasi menetapkan kadar taksiran sebanyak \$3 dan 72 hari sebagai jumlah hari suku pertama dalam setahun. Oleh itu, nilai taksiran yang perlu dibayar oleh majikan ialah  $9000/72 \times \$3 = \$375$ .<sup>35</sup> Perkiraan jumlah cukai ini ditentukan oleh Jabatan Buruh daripada pulangan suku tahun yang dihantar oleh majikan pada setiap bulan April, Julai, Oktober dan Januari. Buat pertama kalinya, pada tahun 1908, di bawah seksyen 5(i) Enakmen Tabung Imigrasi Tamil, 1907, Jawatankuasa Imigrasi telah menetapkan \$1.25 untuk setiap suku tahun 1908 sebagai kadar cukai yang perlu dibayar oleh majikan bagi setiap buruh Tamil.<sup>36</sup> Selain itu, Ordinan Tabung mewajibkan majikan membayar cukai taksiran sebanyak \$5 seorang bagi setahun ke atas semua buruh Tamil yang terlibat dengan kerja-kerja yang disenaraikan dalam jadual Ordinan Tabung. Pada asasnya, wang cukai taksiran yang dikutip dari pihak majikan disalurkan terus ke dalam Tabung Imigrasi Tamil<sup>37</sup> yang ditadbir oleh Superintenden Imigrasi India di bawah penguatkuasaan Jawatankuasa Imigrasi. Tabung memperuntukkan laluan percuma bagi buruh Tamil dan ahli keluarga mereka dari India Selatan ke Tanah Melayu dan ini merupakan asas permulaan Tabung.

## **Perubahan nama tabung kepada Tabung Imigrasi India**

Pada Mei 1912 nama Tabung Imigrasi Tamil diubah kepada Tabung Imigrasi India mengikut Seksyen 161(i) Kod Buruh, 1912. Perubahan nama Tabung bererti Tabung kini mewakili keseluruhan komuniti buruh India di sektor perladangan kerana buruh yang direkrut bukan sahaja terdiri daripada kalangan buruh Tamil tetapi juga daripada buruh Malayali, Telegu, Canarese, Uriya dan etnik-etnik yang lain daripada Andhra Pradesh, Kerala dan wilayah-wilayah lain di India.<sup>38</sup> British menukar nama Tabung dengan rasional tidak mahu menyinggung perasaan kaum etnik lain yang turut direkrut untuk bekerja di Tanah Melayu. Perubahan ini juga akan menjamin pihak British dapat menjaga kebajikan semua kaum India tanpa mengira etnik.<sup>39</sup> Tabung Imigrasi India kini diuruskan oleh Jawatankuasa Imigrasi India yang terdiri daripada Pengawal Buruh, Malaya (Pengerusi); Timbalan Pengawal Buruh, Malaya (Timbalan Pengerusi/Setiausaha); lima ahli Rasmi;<sup>40</sup> tujuh ahli Tidak Rasmi yang mewakili komuniti Peladang;<sup>41</sup> seorang ahli India (dari NNS) dan dua orang ahli India (dari NNMB).<sup>42</sup>

Apabila nama Tabung diubah telah berlaku perubahan-perubahan yang membolehkan Tabung memainkan peranan yang lebih luas. Pada tahap ini, Tabung telah menanggung kos seperti tambang keretapi bagi emigren dan kaum keluarganya dari kampung mereka ke kem-kem di Madras dan di Negapatam; perbelanjaan makanan dan perubatan emigren dan kaum keluarganya yang sedang menunggu perpindahan dari kem-kem di Madras dan di Negapatam ke kapal stim; tambang kapal stim dari Presidensi Madras ke NNMB, NNS, Johor, Kedah, Perlis dan Kelantan; bayaran kuarantin di Pulau Pinang, di Port Swettenham atau di Singapura; perbelanjaan pengangkutan dari pelabuhan ke tempat buruh bekerja di Tanah Melayu termasuk bayaran menghantar telegram oleh agen ladang kepada majikan yang menyatakan bilangan buruh India yang direkrut untuk ladang mereka; tambang pengangkutan menghantar pulang buruh India dari Tanah Melayu ke India Selatan dan pembayaran perbelanjaan makanan dan pengangkutan menghantar pulang buruh India dan kaum keluarga mereka dari pelabuhan mereka turun ke rumah dan kampung mereka di India.<sup>43</sup> Perkara ini dapat diperhatikan daripada perbelanjaan Tabung untuk merekrut 10,145 buruh India pada tahun 1912. Hasil cukai taksiran yang dikutip oleh Tabung adalah sebanyak \$1,189,308 manakala perbelanjaan adalah sebanyak \$372,368 untuk tambang tiket kapal stim percuma; \$51,089 untuk tambang tiket keretapi di India; \$165,343 untuk caj kuarantin dan \$215,912 untuk elaun merekrut.<sup>44</sup>

## **Peranan dan pencapaian tabung**

Sejak Tabung ini ditubuhkan pada 1907, ia telah memainkan peranan yang utama kepada British dan pelabur Barat. Paling utama ialah Tabung menjamin rekrut buruh dilakukan secara teratur dan tidak berlaku penganiayaan terhadap mereka sewaktu direkrut di India Selatan dan dalam perjalanan ke Tanah Melayu. Pada peringkat permulaan, Tabung memberikan tambang tiket percuma kepada semua pemegang lesen kangani<sup>45</sup> atau pemegang lesen merekrut yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Imigrasi dan kesemua buruh Tamil dan ahli keluarga yang tidak direkrut oleh Kangani tetapi hadir sendiri ke depo kerajaan di Negapatam dan Madras serta berjanji untuk bekerja di NNS, NNMB atau di Johor. Pemberian tambang tiket percuma ini tertakluk kepada dua syarat utama yang dikenakan oleh Tabung. Pertama, cukai taksiran tidak

dipotong daripada upah buruh Tamil. Kedua, pemotongan yang dibuat daripada upah buruh Tamil tidak melebihi Rs.12 bagi segala perbelanjaan yang dilakukan terhadap buruh Tamil sebelum mereka tiba ke tempat kerja.<sup>46</sup> Tabung mengenakan syarat-syarat tersebut supaya ia dapat berfungsi secara efektif dan mencegah kepincangan dan amalan-amalan buruk yang berlaku dalam kaedah lama merekrut buruh Tamil dengan meletakkan urusan merekrut buruh Tamil di bawah penyeliaan langsung Jawatankuasa Imigrasi.<sup>47</sup> Sehubungan dengan itu, Tabung telah memperbaiki mekanisme merekrut buruh Tamil dan meningkatkan kualiti kerja Kangani. Dalam konteks ini, Tabung sebenarnya mencerminkan tindakan psikologi British bagi menggalakkan kemasukan lebih ramai buruh Tamil ke Tanah Melayu. Justeru itu, penubuhan Tabung adalah semata-mata untuk memenuhi permintaan buruh yang semakin tinggi di Tanah Melayu dan menyelesaikan masalah kekurangan buruh yang dihadapi oleh pengusaha ladang.

Menjelang tahun 1909, Tabung telah diperluaskan lagi untuk membiayai tambang keretapi buruh dari daerah mereka di India ke pelabuhan dan tambang tiket percuma. Selain itu, Tabung juga membayar elaun merekrut<sup>48</sup> kepada majikan bagi setiap buruh dewasa yang diimport dari India dengan syarat buruh Tamil yang mendarat di Tanah Melayu bebas daripada hutang dan tidak berlaku pemotongan daripada upah buruh terhadap wang pendahuluan diri ataupun perbelanjaan buruh Tamil yang berlaku di India.<sup>49</sup> Ini bererti Tabung telah melindungi setiap buruh Tamil yang dibawa ke tempat kerja mereka bebas daripada hutang sama ada dari majikan ataupun Kangani.<sup>50</sup> Justeru itu, Tabung telah berjaya mengimport buruh Tamil yang bebas berhutang daripada majikan dan tidak terikat dengan sebarang perjanjian.<sup>51</sup> Dalam konteks ini, Tabung dianggap sebagai satu skim yang adil kerana telah memberi khidmat yang berfaedah kepada majikan dan buruh Tamil. Keadaan ini amat menguntungkan British kerana Tabung telah memastikan bekalan tenaga buruh India sentiasa mencukupi dan menjamin kepentingan ekonomi British terpelihara di Tanah Melayu.

Pada penghujung tahun 1908, Tabung mendirikan depo emigrasi pertama (*Kangany Camp*) di Negapatam yang dilengkapi dengan sebuah hospital besar dan sebuah hospital kuarantin.<sup>52</sup> Tabung mendirikan sebuah lagi depo yang besar dan moden di Avadi berhampiran Madras yang mampu menampung sebanyak 6,000 buruh Tamil pada Mei 1911.<sup>53</sup> Depo emigrasi berfungsi menempatkan Kangani dan buruh Tamil yang direkrutnya buat sementara waktu sehingga menunggu giliran mereka dibawa ke pelabuhan Madras untuk menaiki kapal stim ke Tanah Melayu. Depo Avadi menyediakan kemudahan-kemudahan seperti bekalan air bersih, pusat pengklorinan dan bekalan elektrik bagi menjaga kebajikan buruh Tamil. Selain itu, Hospital Besar dan Hospital Kuarantin dibina untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada buruh Tamil.<sup>54</sup> Sebuah lagi depo emigrasi dibina di Melpakam jaraknya dua batu dari depo Avadi mampu menampung 2,000 buruh Tamil.<sup>55</sup> Depo-depo ini diletakkan di bawah kawalan pegawai Emigrasi di Madras.<sup>56</sup> Oleh itu, Tabung turut menyediakan rumah-rumah kediaman untuk pegawai-pegawai emigrasi kerajaan di sudut berasingan depo. Pada tahun 1915, Tabung turut membiayai kos pembelian sebidang tanah di Negapatam untuk membina kuarters bagi pegawai Emigrasi.<sup>57</sup>

Pada tahun 1920, Tabung membeli sebidang tanah berukuran 10.28 ekar untuk pembinaan depo di Coconada<sup>58</sup> khusus untuk menambahkan emigrasi buruh Telegu ke Tanah Melayu.<sup>59</sup> Pada tahun 1925, Tabung mengambilalih dua depo emigrasi di Negapatam dan Papakovil daripada kerajaan NNMB yang boleh menampung 3,000 buruh dan 1,200 buruh masing-masing. Pada 25 Mei 1927, Tabung memperuntukkan

Rs.100,000 untuk menampung kos memperbesar dan memperbaiki taraf depo-depo tersebut.<sup>60</sup> Pada tahun 1927, Tabung membiayai kos pembelian tanah seluas 107 ekar pada harga Rs.33,000 untuk kegunaan masa depan.<sup>61</sup> Pembinaan depo emigrasi menyaksikan kesungguhan British untuk merekrut buruh India secara besar-besaran bagi memastikan bekalan tenaga buruh sentiasa mencukupi seiring dengan keperluan kapitalis British untuk mengeksploit ekonomi negeri-negeri Melayu.

Tabung memastikan buruh Tamil yang benar-benar sihat sahaja direkrut ke Tanah Melayu.<sup>62</sup> Oleh sebab itu, Tabung mengenakan peraturan dan larangan yang ketat serta prosedur yang wajib dipatuhi oleh buruh Tamil di depo emigrasi sebelum berlepas ke Tanah Melayu. Misalnya, Tabung mewajibkan buruh Tamil melaporkan diri kepada kerani depo emigrasi untuk menjalani pemeriksaan perubatan dan fizikal.<sup>63</sup> Pada hari pelayaran, buruh Tamil dikehendaki menjalani pemeriksaan terakhir khusus untuk membasmi kuman dalam pakaian dan dipastikan kesanggupan mereka untuk beremigrasi ke Tanah Melayu. Prosedur seterusnya ialah buruh Tamil diambilalih oleh staf ejen kapal pelayaran dan mendaftarkan nama dan tempat kerja serta memberi tiket tin (*tin ticket*) percuma yang mengandungi maklumat nombor pendaftaran estet. Selepas tamat pemeriksaan, buruh Tamil berlepas ke pejabat pelabuhan dan di situ buruh diperiksa sekali lagi oleh staf pelabuhan dan polis sebelum dibenarkan menaiki kapal stim untuk memulakan perjalanan ke Tanah Melayu.<sup>64</sup>

Sememangnya, Tabung menunjukkan ciri-ciri menjaga kebajikan buruh Tamil dan berkeupayaan dalam menyelaraskan rekrut buruh Tamil yang sihat dengan lebih sistematik. Namun begitu, Tabung mempunyai tujuan tersirat di mana Tabung sebenarnya membantu British dengan memastikan hanya buruh Tamil yang sihat direkrut ke Tanah Melayu. Ini kerana British sedar bahawa pengimpotan buruh Tamil yang sihat dan konsisten adalah modal yang kukuh bagi perkembangan ekonomi Tanah Melayu yang stabil. Pihak majikan juga tidak mahu mengalami kerugian dengan mengimpot buruh Tamil yang mempunyai masalah kesihatan. Dalam konteks ini, Tabung berjaya menyelesaikan masalah kapitalis British dengan membekalkan keperluan tenaga buruh yang murah dan sihat. Justeru itu, penubuhan Tabung sememangnya bertujuan menjaga kepentingan ekonomi majikan dan kerajaan British yang sedang rancak mengeksploitasi ekonomi negeri-negeri Melayu pada awal abad ke-20.

Operasi Tabung diperluaskan ke Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) kerana memerlukan khidmat buruh Tamil seiring dengan perkembangan ekonomi di negeri-negeri tersebut. Selaras dengan itu, British telah memperluaskan operasi Tabung ke NNMTB iaitu Kedah, Perlis dan Kelantan<sup>65</sup> dan Terengganu<sup>66</sup> selepas termeterai Perjanjian Bangkok pada 1909. Sebelum perjanjian ditandatangani, buruh Tamil diseludup ke NNMTB kerana seksyen 31, Ordinan Imigrasi India 1904 telah melarang kemasukan buruh Tamil ke NNMTB yang berada di bawah naungan negeri Siam. Oleh itu, kerajaan British telah menandatangani Perjanjian Bangkok untuk menjadikan NNMTB milik kerajaan British. Keadaan ini mendorong kerajaan India mengecualikan emigrasi buruh Tamil dari British India ke negeri-negeri Kedah, dan Perlis di pantai barat dan negeri-negeri Kelantan dan Terengganu di pantai timur Semenanjung Tanah Melayu pada 11 Mac 1910 mengikut operasi seksyen 103, Akta Imigrasi India, Bil. XVII, 1908. Perkembangan ini membolehkan British memperluaskan operasi Tabung ke Kedah (1910), Perlis (November 1913), Kelantan (15 April 1912) dan Terengganu (5 Julai 1935) selaras dengan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi British di NNMTB. Tabung



telah memastikan buruh Tamil di NNMTB direkrut secara rasmi dan kebajikan buruh dilindungi di bawah penguatkuasaan undang-undang.

Mulai 1 Januari 1912, Tabung membiayai caj kuarantin buruh India di kem-kem kuarantin yang dibina di pantai barat Tanah Melayu. Kem kuarantin bertujuan mengasingkan buruh India yang seringkali dikesan dijangkiti penyakit taun dan demam campak semasa pelayaran dalam kapal ke Tanah Melayu dan membendung penyakit tersebut berjangkit kepada buruh sihat yang diimport dari India.<sup>67</sup> Kem kuarantin ini juga berfungsi sebagai *transit homes* sebelum menghantar pulang buruh ke India Selatan. Suatu aturan dibuat di mana kerajaan British menanggung kos perbelanjaan membina dan menyelenggara kem-kem kuarantin. Manakala, Tabung menanggung caj kuarantin<sup>68</sup> yang melibatkan kos makanan dan penjagaan buruh di kem kuarantin dengan syarat kos kuarantin bagi setiap buruh India yang direkrut tidak melebihi \$5.00.<sup>69</sup> Tabung memotong kos purata sebanyak \$5.00 bagi setiap buruh India daripada elaun merekrut majikan.<sup>70</sup> Dalam konteks ini, Tabung telah menyelesaikan masalah kekurangan tenaga buruh India dalam kalangan pengusaha ladang British dengan melaksanakan saringan kesihatan ke atas buruh India terlebih dahulu sebelum mereka dihantar ke tempat kerja masing-masing. Tabung juga telah membantu hasrat British mengimport buruh Tamil yang sihat dan mengurangkan beban tanggungan British ke atas kos kuarantin buruh Tamil serta menjamin kepentingan ekonomi British terpelihara di Tanah Melayu.

Pada tahun 1914, Tabung memperluaskan peranan untuk membayar kos tambang pengangkutan tempatan iaitu tambang bas atau keretapi bagi menghantar buruh India dari pelabuhan di Tanah Melayu ke tempat kerja mereka. Peranan ini sekali gus merangkumi peranan Tabung yang menanggung keseluruhan kos yang berkaitan dengan pengimportan buruh India Selatan.<sup>71</sup> Ini bererti penubuhan Tabung telah menyelesaikan masalah buruh India miskin yang mencari pekerjaan kerana Tabung menanggung keseluruhan kos perjalanan mereka dari India Selatan ke Tanah Melayu. Di samping itu, Tabung juga sangat menguntungkan majikan kerana majikan mengaut keuntungan dengan hanya membayar kos merekrut buruh yang paling minimum.<sup>72</sup>

## Kejayaan tabung

Tabung telah berjaya menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif untuk menarik minat dan menggalakkan emigrasi buruh India untuk datang ke Tanah Melayu. Objektif asal penubuhan Tabung tercapai apabila Tabung berjaya membekalkan keperluan tenaga buruh India secara besar-besaran dan berterusan bagi meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi British di Tanah Melayu. Justeru itu, Tabung telah berjaya menyelesaikan masalah pengusaha ladang dengan membekalkan tenaga buruh India yang mencukupi bagi mengusahakan ladang-ladang getah yang baru dibuka.<sup>73</sup> Kejayaan Tabung membuktikan bahawa bekalan tenaga buruh India yang sihat adalah aset penting untuk mengusahakan sektor perladangan getah yang membawa faedah dan pulangan ekonomi kepada British di Tanah Melayu. Pada dasarnya, kejayaan Tabung kelihatan ia sedang memikul beban kos merekrut buruh India tetapi kerajaan British sebenarnya telah meletakkan beban tanggungan ke atas bahu majikan ladang dengan memastikan majikan ladang membayar cukai taksiran kepada Tabung dan langkah ini dianggap bersesuaian dengan amalan *laissez-faire* British dalam kerangka ekonomi Tanah Melayu. Ini bererti penubuhan Tabung berjaya memelihara kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu. Perkara ini terbukti apabila Tabung berjaya membiayai kos

merekrut 1,517,864 buruh India dari India Selatan ke Tanah Melayu di antara tahun 1910-1938.<sup>74</sup> Kejayaan Tabung turut diulas oleh D.J.M.Tate seperti berikut:-

The net result of Indian Immigration Fund was, although the condition of life and work of the estate labour force on Malayan rubber plantations, continued to leave a lot to be desired, there was an undoubted improvement in the condition under which actual recruitment took place. This improvement was sufficient to secure the continued approval of the British Indian authorities for the emigration of Indian labourers to Malaya, and also greatly encouraged emigration itself.<sup>75</sup>

Kenyataan Tate dapat diperhatikan dengan jelas daripada pengeluaran bilangan lesen Kangani dan kedatangan buruh India Selatan yang semakin meningkat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 seperti berikut:-

Jadual 1 Jumlah Ketibaan Buruh India Selatan di Pulau Pinang, 1907-1938 (Termasuk Lelaki dan Wanita Dewasa serta Kanak-kanak)

Tahun	Bilangan Lesen Kangani	Dengan Bantuan		Tanpa Bantuan
		Direkrut oleh Kangani	Bebas	
1907	n.a.	29,948		29,827
1908	1,225	21,841		27,174
1909	n.a.	21,963		23,735
1910	6,278	60,347		20,853
1911	9,248	84,389		24,082
1912	10,145	79,838		27,090
1913	10,806	91,236		27,347
1914	5,732	36,905		14,312
1915	5,436	54,881		20,442
1916	9,007	67,902	4,189	23,475
1917	11,410	71,318	7,089	11,670
1918	6,735	48,064	7,519	9,708
1919	8,447	75,690	12,331	13,412
1920	9,441	69,767	9,088	16,365
1921	1,555	13,371	2,042	30,260
1922	3,632	33,848	4,488	20,338
1923	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.
1924	3,005	33,506	9,641	18,905
1925	6,561	51,401	18,797	20,510
1926	19,962	120,796	28,618	25,381
1927	7,882	91,524	32,302	32,306
1928	2,913	16,260	10,980	35,832
1929	5,312	53,266	28,917	32,069
1930	2,234	27,650	15,121	26,343
1931	0	0	111	19,581
1932	0	0	17	17,717
1933	0	0	20	20,222
1934	n.a.	2,067	43,402	44,359
1935	42	1,862	18,909	44,420
1936	n.a.	669	3,085	39,437
1937	n.a.	5,337	49,512	67,717
1938	n.a.	88	4,492	39,627

Sumber: Norman J. Parmer, *Colonial Labour Policy and Administration: A History of Labour in the Rubber Plantation Industry in Malaya, 1910-1941*, New York: Locust Valley, 1960, hlm. 270.

Sejak penubuhan, Tabung menjalankan fungsi merekrut dan merepatriasi buruh India Selatan serta menyediakan perkhidmatan kebajikan kepada buruh India. Senario ini berterusan sehingga tahun 1938. Peranan ini berakhir pada 15 Jun 1938 apabila kerajaan India mengenakan larangan ke atas emigrasi buruh yang tidak mahir ke Tanah Melayu. Larangan ini telah menghentikan aliran masuk buruh India ke Tanah Melayu dan mengakhiri peranan Tabung dan Jawatankuasa Imigrasi India. Namun begitu, Tabung telah meneruskan kutipan cukai taksiran sehingga ke penghujung tahun 1941 dan Tabung telah membiayai kos menghantar pulang buruh India yang bersara.

## Kesimpulan

Sebelum penubuhan Tabung Imigrasi Tamil pada tahun 1907, segala usaha merekrut buruh India ke Tanah Melayu tidak berjaya memenuhi keperluan buruh di Tanah Melayu. Justeru itu, British telah menubuhkan Tabung sebagai satu langkah tentatif untuk menggalakkan kemasukan buruh India ke Tanah Melayu dan memenuhi permintaan buruh yang tinggi selaras dengan hasrat British mengeksploit perkembangan pesat industri perladangan getah. Bagi mencapai tujuan tersebut, Tabung telah menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif seperti pemberian tambang tiket percuma, pemeriksaan perubatan dan fizikal, pembinaan depo emigrasi, pembiayaan caj kuarantin, kos tambang pengangkutan di India dan di Tanah Melayu. Tabung telah mendapat sokongan positif dari British dan pelabur Barat kerana Tabung berjaya menyelesaikan masalah permintaan tenaga buruh yang semakin bertambah dalam sektor perladangan getah. Tabung telah memastikan semua majikan menanggung kadar yang seimbang dalam kos merekrut buruh India dan secara tidak langsung Tabung menghapuskan masalah *crimping* untuk selama-lamanya. Kejayaan dan pencapaian terbesar Tabung ialah memenuhi kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu dengan menyelesaikan masalah kekurangan buruh; mewujudkan suasana yang ideal bagi pengaliran modal dan memberi peluang keemasan kepada kapitalis British untuk mengeksploit hasil kekayaan di tanah jajahan pada awal abad ke-20.

## Nota

- <sup>1</sup> Pushpavalli A. Rengasamey is a Ph.D candidate at the Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya. Dr Sivachandralingam Sundara Raja is an Associate Professor at the Department of History, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya.
- <sup>2</sup> Chai Hon-Chan, 1967. *The Development of British Malaya 1896-1909*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 143-179.
- <sup>3</sup> Dalam artikel ini, penulis menggunakan perkataan Tabung Imigrasi Tamil bagi merujuk Tabung dan buruh Tamil bagi merujuk buruh yang direkrut dari India Selatan di peringkat awal penubuhan Tabung iaitu dari tahun 1907 sehingga 1912. Selepas Kod Buruh diperkenalkan pada tahun 1912, nama Tabung ditukar kepada Tabung Imigrasi India dan buruh Tamil kepada buruh India. Justeru itu, keempat-empat perkataan ini telah digunapakai dalam keadaan yang bersesuaian dan membawa makna yang sama.
- <sup>4</sup> I.M. Cumpston, 1969. *Indians Overseas in British Territories, 1834-1854*. London: Dawsons; C. Kondapi, 1951. *Indians Overseas, 1839-1949*, Indian Council of World Affairs; Hugh Tinker, 1974. *A New System of Slavery: The Export of Indian Labour Overseas, 1830-1920*. London: Oxford University Press; George Beckford, 1972. *Persistent Poverty, Underdevelopment in Plantation Economies of the*

- Third World*. London: Oxford University Press and Kay Saunder (ed.), 1984. *Indentured Labour in the British Empire, 1834-1924*. London: Croom Helm.
- 5 R.N. Jackson, 1961. *Immigrant Labour and the Development of Malaya: 1786-1920*. Malaya: Government Press; Norman, Parmer Jess, 1960. *Colonial Labour Policy and Administration: A History of Labour in the Rubber Plantation Industry in Malaya, 1910-1941*. New York: Locust Valley; Sivachandralingam Sundara Raja, 2003. 'Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Tabung Pekerja India Selatan, 1907-1909: Satu Kajian Awal', *Purba* 22, hlm. 41-52; Ghanavinothan Balakrishnan, 2000/2001. 'South Indian Labour Fund'. Latihan Ilmiah, B.A., Universiti Malaya; dan Ooli Gunalan Manikam, 1993/94. 'Sejarah Penubuhan dan Perkembangan Tabung Imigresen India (1907) di Tanah Melayu sehingga Tahun 1990'. Latihan Ilmiah, B.A., Universiti Kebangsaan Malaysia.
  - 6 K.S. Sandhu, 1969. *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement (1786-1957)*. Cambridge: The University Press, hlm. 48.
  - 7 Idea *laissez-faire* (perdagangan bebas) dipelopori oleh tokoh ekonomi bernama Adam Smith (1723-90) melalui bukunya *The Wealth of Nations*. *Laissez-faire* dalam konteks Tanah Melayu merujuk kepada dasar liberal dalam perdagangan dan pentadbiran yang diperkenalkan semata-mata untuk menarik pedagang/pelabur tempatan dan asing. Lebih lanjut rujuk Sivachandralingam Sundara Raja, 2005. *Sejarah Perdagangan Bebas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 56 dan 116.
  - 8 L.C.A. Knowles, 1928. *The Economic Development of the British Overseas Empires*. London: George Routledge & Sons, Ltd., hlm. 54 dan 82.
  - 9 Michael Stenson, 1980. *Class, Race and Colonialism in West Malaysia, The India Case*. St.Lucia: University of Queensland Press, hlm. 16.
  - 10 Austin Coates, 1987. *The Commerce in Rubber, the first 250 year*. Singapore: Oxford University Press, hlm. 108.
  - 11 Majikan terpaksa menanggung kos merekrut sebanyak \$20 untuk setiap buruh Tamil yang tiba di Province Wellesley.
  - 12 *Crimping* bermaksud usaha seorang majikan memisahkan buruh kepunyaan seorang majikan yang lain atau agennya dengan menawarkan upah yang tinggi atau pun ganjaran yang lebih menarik. Sila rujuk Planters' Association of Malaya, 'Matters Relating to the Indian Immigration Committee', *The Yearbook 1929-1930*, hlm. 60-61.
  - 13 Antara kelemahan lain, ciri-ciri sistem kontrak mempunyai banyak keburukan dan membawa kesan negatif terhadap buruh India. Upah yang diberikan kepada buruh India sangat rendah dan selalunya tidak mencukupi. Buruh India dinafikan kehidupan berkeluarga dan ditambah pula keadaan hidup yang miskin. Sistem Kangani juga mempunyai kelemahannya sendiri di mana buruh India selalu terpedaya dan tertipu dengan kata-kata manis Kangani dan risalah-risalah mengenai keadaan hidup mewah di Tanah Melayu. Kangani juga menyalahgunakan kuasanya dengan melakukan penipuan dan memeras ugut buruh India.
  - 14 *United Planters' Association* ditubuhkan pada April 1897. Namanya diubah kepada *Malay Peninsula Agricultural Association* pada April 1907. Persatuan ini dibubarkan pada Disember 1907 dan digantikan dengan *Planters' Association of Malaya*. Pada tahun 1935, nama kesatuan ini diubah lagi kepada *The United Planting Association of Malaya*. Untuk maklumat lebih lanjut rujuk *Annual Report of The United Planting Association of Malaya, 1935*, Kuala Lumpur: Kyle, Palmer & Co.Ltd., 1936.
  - 15 D.J.M.Tate, 1996. *The RGA History of the Plantation History in the Malay Peninsula*. Oxford: Oxford University Press, hlm. 275.
  - 16 Sir William Taylor adalah Residen-Jeneral Negeri-negeri Melayu Bersekutu yang ketiga yang memegang jawatan tersebut dari 1904 - 1910. Beliau juga telah menjadi anggota kehormat Rubber Growers' Association setahun selepas bersara dari perkhidmatan kerajaan pada 1910.
  - 17 Surat Pesuruhjaya Tinggi kepada Setiausaha Koloni, Bil. 322, 15 Ogos 1906 dan Surat Pesuruhjaya Tinggi kepada Residen-Jeneral, Bil. 908, 28 Julai 1906, *Federated Malay States:*

- High Commissioner's Despatches sent to The Secretary of States for the Colonies*. Juga rujuk D.J.M.Tate, 1996. *The RGA History of the Plantation History in the Malay Peninsula*, hlm. 275-276.
- <sup>18</sup> G.E.Turner, Disember 1954. Indian Immigration Committee. *Malayan Historical Journal*. 1(2), hlm. 80-84.
- <sup>19</sup> Surat Pesuruhjaya Tinggi kepada Residen-Jeneral, 18 Januari 1907 dikutip daripada P.A.M., *Annual Report, 1923-24*, Appendix D.
- <sup>20</sup> *Tamil Immigration Fund Ordinance, 1907, Straits Settlements Government Gazette*, 3 January 1908; *Straits Settlements Annual Report, 1908*.
- <sup>21</sup> Federated Malay States, *Report on Indian Immigration and Emigration for the year 1907*, hlm. 7.
- <sup>22</sup> Dokumen Pejabat Tanah Jajahan British: *Ordinance 17/1907 Tamil Immigration Fund*, 19 September 1907, CO 273/329 (36129).
- <sup>23</sup> *The Subsidiary Legislation of the Straits Settlement Enacted under the Labour Ordinance, 1934*, hlm. 6.
- <sup>24</sup> *Minutes of the Meeting of the Indian Immigration Committee*, Book 1, 22 March 1907, hlm. 1- 5.
- <sup>25</sup> *Minutes of the Meeting of the Indian Immigration Committee*, Book 1, 14 April 1907, hlm. 9-11.
- <sup>26</sup> Dokumen Pejabat Tanah Jajahan British: *Tamil Immigration Fund Ordinance*, 3 October 1907, CO 273/329 (37812).
- <sup>27</sup> *Supplement to the Straits Settlements, Government Gazette*, April-June 1908. Straits Settlements, *Proceedings of the Legislative Council, 1907*, hlm. B133-B135.
- <sup>28</sup> Residen General's Office, 1580/1908, *FMS State of Negeri Sembilan, Enactment to provide a fund for the Immigration of Tamil Labour*, hlm. 4.
- <sup>29</sup> Menurut Peguam Negara, Singapura dikecualikan kerana kerajaan tidak berhasrat untuk melaksanakan Ordinan Tabung Imigrasi India di sana. Kerajaan juga tidak nampak keadaan yang memerlukan Singapura turut serta kerana tidak ada peladang di Singapura. Walaupun begitu, terdapat juga bantahan daripada Turner yang beranggapan ada kemungkinan buruh India akan dibawa ke Singapura untuk menjalankan kerja-kerja berat di sana. Rujuk *Proceedings of Legislative Council*, 5 May 1907, hlm. B124.
- <sup>30</sup> Residen General's Office, 5881/1907, *Issues of Free Passages under the Tamil Immigration Fund Enactment to begin from 12<sup>th</sup> February 1908*; Johore 1052/1907, *Proposed subsidy by the Johore Government of \$5,000 a year towards the Indian Immigration Scheme*.
- <sup>31</sup> High Commissioner's Office, 534/1907, *Proposals of Indian Immigration Fund Regarding Import of Labour*. Tambang tiket kapal stim untuk buruh India dan ahli keluarganya adalah seperti berikut:-  
 Negapatam ke Pulau Pinang atau Port Swettenham = Rs.10.  
 Madras ke Pulau Pinang atau Port Swettenham = Rs.12.  
 Negapatam ke Singapura atau Port Swettenham = Rs.21.  
 Madras ke Singapura atau Port Swettenham = Rs.24.
- <sup>32</sup> High Commissioner's Office, Fail R.G. 1580/1908, *FMS State of Negeri Sembilan, Enactment to provide a fund for the Immigration of Tamil Labour*, hlm. 1.
- <sup>33</sup> Federated Malay States, 1911. *Proceedings of the Federal Council of the Federated Malaya States, 1909-1910: Further Report of the Commission Appointed to Enquire into Conditions of Indentured Labour in the Federated Malay States*. Kuala Lumpur: F.M.S. Government Printing Office, hlm. c108.
- <sup>34</sup> *Ordinance 17/1907 Tamil Immigration Fund*, 19 September 1907. CO 273/329/36129.
- <sup>35</sup> Parmer, Jess Norman, 1960. *Colonial Labour Policy and Administration: A History of Labour in the Rubber Plantation Industry in Malaya, 1910-1941*. New York: Locust Valley, hlm. 42. Rujuk juga *Minutes of the Meeting of the Indian Immigration Committee*, Book 1, 14 April 1907, hlm.17. Di negeri Johor cukai taksiran dikenakan dua kali ganda daripada negeri-negeri Melayu yang lain kerana ia tidak termasuk dalam kumpulan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

- <sup>36</sup> Resident General's Office, 3046/1907, *Tamil Immigration Fund Enactment: Rate of Assessment per quarter*, 14 November 1907.
- <sup>37</sup> *Annual Report of The Tamil Immigration Fund*, 1907.
- <sup>38</sup> *Annual Report of The Indian Immigration Fund*, 1913.
- <sup>39</sup> Ibid.
- <sup>40</sup> Lima orang ahli rasmi terdiri daripada pengarah-pengarah dari Jabatan Perubatan, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Saliran serta Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu. Rujuk Secretariat Selangor, 2395/1913, *Report on the work of the Labour Department for the year 1912*, hlm. 25.
- <sup>41</sup> Menurut Mills, ahli tidak rasmi terdiri daripada Pengerusi United Planters' Association of Malaya, wakil peladang dari Kedah, Province Wellesley, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Kelantan, seorang ahli perniagaan yang terkemuka biasanya daripada Pulau Pinang. Rujuk L. A. Mills, 1942. *British Rule in Eastern Asia: A Study of Contemporary Government and Economic Development in British Malaya and Hong Kong*. London: Oxford University Press, hlm. 220.
- <sup>42</sup> Federated Malay States, 1913. *Proceedings of the Federal Council of the Federated Malaya States, 1912*. Kuala Lumpur: F.M.S. Government Printing Office, hlm. B10.
- <sup>43</sup> *Annual Report of The Indian Immigration Fund*, 1913.
- <sup>44</sup> Federated Malay States, *Report on the working of the Labour Department for the year 1912*, hlm. 26.
- <sup>45</sup> Lesen Kangani tidak akan diberikan kepada majikan yang tidak patuh kepada Ordinan Tabung Imigrasi Tamil. Rujuk *Despatch No. 384 dari Straits Settlements kepada Secretary of State*, 19 September 1907.
- <sup>46</sup> *Supplements to the Pahang Government Gazettee, 1909*, hlm. 9.
- <sup>47</sup> Federated Malay States, State of Selangor, H.C.O. 1851/1907, "The Tamil Immigration Fund Enactment, 1907".
- <sup>48</sup> Bayaran elaun merekrut yang diberi kepada majikan untuk merekrut buruh lelaki Tamil oleh Kangani ialah sebanyak \$3.00 seorang dan bagi buruh perempuan Tamil ialah sebanyak \$3.50 seorang. Bayaran elaun merekrut sebanyak \$2.00 bagi setiap orang buruh diberi kepada majikan yang merekrut buruh Tamil melalui Jabatan Imigrasi India. Rujuk Surat Superintenden Imigrasi, NNMB kepada Setiausaha Persekutuan, NNMB, Kuala Lumpur, No.416/08, 8 Februari 1909 dalam High Commissioner's Office, 1526/1907, *Perak Planters' Association regarding Tamil Immigration Fund Enactment*.
- <sup>49</sup> *Supplements to the Pahang Government Gazettee, 1909*, hlm. 9.
- <sup>50</sup> Pada penghujung tahun 1909, elaun merekrut yang dibayar kepada pihak majikan daripada Tabung Imigrasi Tamil dinaikkan kepada \$4.50 bagi setiap buruh dewasa yang direkrut oleh Kangani dan \$3.00 untuk setiap buruh bebas yang direkrut menerusi Jawatankuasa Imigrasi. Rujuk Federated Malay States, 1911. *Proceedings of the Federal Council of the Federated Malaya States, 1909-1910*. Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office, hlm. c103.
- <sup>51</sup> Beeman, Mark Allen, 1985. *The Migrant Labor System: The Case of Malaysian Rubber Workers*. Tesis Ph.D, University of Illinois, hlm. 59.
- <sup>52</sup> Federated Malay States, *Report on Indian Immigration and Emigration for the year 1908*, hlm. 2.
- <sup>53</sup> Kerajaan British telah memperuntukkan \$18,000 untuk pembinaan depo di Avadi, Madras. Rujuk Federated Malay States, 1908. *Federal Estimates for the Revenue and Expenditure for the year 1909*. Kuala Lumpur: The Federated Malay States Printing Office, hlm. 43.
- <sup>54</sup> Federated Malay States, *Report on Indian Immigration and Emigration for the year 1911*, hlm. 2.
- <sup>55</sup> C. Wilson, 1939. *Federated Malay States, Annual Report of the Labour Department, Malaya for the year 1938*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Press, hlm. 11.
- <sup>56</sup> Operasi depo-depo emigrasi di Avadi dan Negapatam diletakkan di bawah pengawasan Pesuruhjaya Emigrasi yang bertugas di Avadi dan Pembantu Pesuruhjaya Emigrasi yang ditempatkan di Negapatam. Kedua-dua pegawai kerajaan tersebut dilantik oleh kerajaan NNMB. Rujuk Netto, George, 1961. *Indians In Malaya: Historical Facts and Figures*. Singapore: Malaysia Book, hlm. 29.
- <sup>57</sup> Federated Malay States, *Report on the working of the Labour Department for the year 1915*, hlm. 8.
- <sup>58</sup> Federated Malay States, 1920. *Report of a Meeting of the General Labor Committee, British Malaya*. Kuala Lumpur: The Malayan Leader Press, hlm. 7.

- <sup>59</sup> High Commissioner's Office, Misc. No. 1777/1920, *Report on Executive of The General Labour Committee, British Malaya on Indian Labour and Labourers*, Kuala Lumpur: 1920, hlm. C20.
- <sup>60</sup> *Minutes of the Meeting of the Indian Immigration Committee*, Book 4, 25 May 1927, hlm. 7.
- <sup>61</sup> *Minutes of the Meeting of the Indian Immigration Committee*, Book 4, 24 November 1927, hlm. 11.
- <sup>62</sup> N.E. Marjouribanks dan A.K. Marakkayar, 1917. *Report on Indian Labour Emigrating to Ceylon and Malaya*, Madras: Government Press, hlm. 31.
- <sup>63</sup> R.N. Jackson, 1961. *Immigrant Labour and the Development of Malaya: 1786-1920*. Kuala Lumpur: Government Press, hlm. 122-123.
- <sup>64</sup> Ibid.
- <sup>65</sup> Federated Malay States. 1911. *Proceedings of the Federal Council of the Federated Malaya States, 1909-1910*, Kuala Lumpur: Federated Malay States Government Printing Office, hlm. c26-c35.
- <sup>66</sup> Arkib Negara Malaysia: 343/4(7), Terengganu, The Tamil Immigration Fund Enactment, No.2-1354. Dalam enakmen ini, beban kerja buruh India telah bertambah daripada apa yang dijadualkan dalam Enakmen Tabung Imigrasi Tamil, 1907. Ini termasuklah segala pekerjaan dalam kilang-kilang padi dan getah; membuat batu-bata, paip, kapur dan simen; memanjat pohon-pohon kayu dan membuat kerja dalam kilang melebur bijih serta pekerjaan besi, bengkel atau stor.
- <sup>67</sup> *Supplements to the Pahang Government Gazettee 1908*, hlm. 1. Lihat juga *Annual Departmental Reports of Straits Settlements 1913-1917*, Singapore: Government Printing Office, hlm. 34.
- <sup>68</sup> Pada asalnya, caj kuarantin dibayar serta merta oleh pihak majikan melalui ejen tempatan Syarikat Perkapalan Stim British India Berhad. Tetapi, kerap kali timbul masalah menentukan terlebih dahulu kapal stim yang mana satukah akan dikuarantinkan dan tempoh masa kapal itu dikuarantinkan. Kadangkala perbelanjaan kuarantin mencecah sehingga \$15 bagi seorang buruh India. Situasi ini membebankan pihak majikan kerana mereka terpaksa menanggung kos kuarantin yang tinggi. Oleh itu, kerajaan British mengadakan satu cara bayaran seragam yang akan memudahkan dan menyelaraskan bayaran kuarantin oleh pihak majikan.
- <sup>69</sup> High Commissioner's Office, MISC.1777/1920, *Report of The Executive of The General Labour Committee, British Malaya, on Indian Labour and Labourers*, hlm. 20. Juga rujuk *Labour Department Annual Report for 1912*, hlm. 26 dan Federated Malay States, *Report on Indian Immigration and Emigration for the year 1911*, hlm. 6.
- <sup>70</sup> Robert L. Jarmen (ed), 1998. *Annual Reports of the Straits Settlements, 1908, 1855-1941*, Jil. 6 (1908-1914). London: Archive Editions Limited, hlm. 418.
- <sup>71</sup> R.N. Jackson, 1961. *Immigrant Labour and the Development of Malaya: 1786-1920*, hlm. 117-119.
- <sup>72</sup> Federated Malay States, *Report on the working of the Labour Department for the year 1915*, hlm. 30.
- <sup>73</sup> R.N. Jackson, 1961. *Immigrant Labour and the Development of Malaya: 1786-1920*, hlm. 121.
- <sup>74</sup> I.R. Price, 1960. *Annual Report of the South Indian Labour Fund Board, 1959*. Kuala Lumpur: Government Printer Federation of Malaya, hlm. 45.
- <sup>75</sup> D.J.M. Tate, 1996. *The RGA History of the Plantation History in the Malay Peninsula*, hlm. 277.

## Rujukan

### Sumber Pertama

- Annual Report of The Tamil Immigration Fund, 1907.*
- Annual Report of The Indian Immigration Fund, 1913.*
- Annual Report of The United Planting Association of Malaya, 1935*, Kuala Lumpur: Kyle, Palmer & Co. Ltd., 1936.
- Arkib Negara Malaysia: 343/4(7), Terengganu, The Tamil Immigration Fund Enactment, No.2-1354.
- Dokumen Pejabat Tanah Jajahan British: *Ordinance 17/1907 Tamil Immigration Fund, 19 September 1907, CO 273/329 (36129).*

- Dokumen Pejabat Tanah Jajahan British: *Tamil Immigration Fund Ordinance*, 3 October 1907, CO 273/329 (37812).
- Federated Malay States, 1911. *Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States, 1909-1910*, Kuala Lumpur, F.M.S. Government Printing Office.
- Federated Malay States, 1913. *Proceedings of the Federal Council of the Federated Malay States, 1912*, Kuala Lumpur, F.M.S. Government Printing Office.
- Federated Malay States, *High Commissioner's Despatches sent to The Secretary of States for the Colonies*.
- Federated Malay States, *Report on Indian Immigration and Emigration for the year 1907*.
- Federated Malay States, *Report on Indian Immigration and Emigration for the year 1908*.
- Federated Malay States, *Report on the working of the Labour Department for the year 1912*.
- Federated Malay States, *Report on the working of the Labour Department for the year 1915*.
- Federated Malay States, 1920. *Report of a Meeting of the General Labor Committee, British Malaya*, Kuala Lumpur: The Malayan Leader Press.
- High Commissioner's Office, 1526/1907, *Perak Planters' Association regarding Tamil Immigration Fund Enactment*.
- High Commissioner's Office, Resident General's Office, 3046/1907, *Tamil Immigration Fund Enactment: Rate of Assessment per quarter*, 14 November 1907.
- High Commissioner's Office, Resident General's Office, G.1580/1908, *FMS State of Negeri Sembilan, Enactment to provide a fund for the Immigration of Tamil Labour*.
- High Commissioner's Office, Resident General's Office, 5881/1907, *Issues of Free Passages under the Tamil Immigration Fund Enactment to begin from 12 February 1908*.
- High Commissioner's Office, Misc. No. 1777/1920, *Report on Executive of The General Labour Committee, British Malaya on Indian Labour and Labourers*, Kuala Lumpur: 1920.
- Johore 1052/1907, *Proposed subsidy by the Johore Government of \$5,000 a year towards the Indian Immigration Scheme*.
- Marjouribanks, N.E. dan Marakkayar, A.K., 1917. *Report on Indian Labour Emigrating to Ceylon and Malaya*, Madras: Government Press.
- Minutes of the Meeting of the Indian Immigration Committee*, Book 1, 23 March 1907.
- Minutes of the Meeting of the Indian Immigration Committee*, Book 1, 14 April 1907.
- Minutes of the Meeting of the Indian Immigration Committee*, Book 4, 24 November 1927.
- Minutes of the Meeting of the Indian Immigration Committee*, Book 4, 25 May 1927.
- Planters' Association of Malaya, *Annual Report*, 1923-24.
- Planters' Association of Malaya, *The Yearbook 1929-1930*.
- Secretariat Selangor, 2395/1913, *Report on the work of the Labour Department for the year 1912*.
- Supplements to the Pahang Government Gazette, 1909.
- Supplement to the Straits Settlements, Government Gazette*, April-June 1908.
- Tamil Immigration Fund Ordinance, 1907 dalam *Straits Settlements Government Gazette*, 3 January 1908.
- The Subsidiary Legislation of the Straits Settlement Enacted under the Labour Ordinance*, 1934.

## Sumber Kedua

- Beeman, Mark Allen, 1985. *The Migrant Labor System: The Case of Malaysian Rubber Workers*. Tesis Ph.D, University of Illinois.



- Chai Hon-Chan, 1967. *The Development of British Malaya 1896-1909*. 2nd ed. Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm.
- Coates, Austin, 1987. *The Commerce in Rubber, the first 250 years*. Singapore: Oxford University Press
- Jackson, R.N., 1961. *Immigrant Labour and the Development of Malaya: 1786-1920*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Knowles, L.C.A., 1928. *The Economic Development of the British Overseas Empires*. London: George Routledge & Sons, Ltd
- Mills, L. A., 1942. *British Rule in Eastern Asia: A Study of Contemporary Government and Economic Development in British Malaya and Hong Kong*. **London**: Oxford University Press.
- Netto, George, 1961. *Indians In Malaya: Historical Facts and Figures*. Singapore: Malaysia Book.
- Norman, Jess Parmer, 1960. *Colonial Labour Policy and Administration: A History of Labour in the Rubber Plantation Industry in Malaya, 1910-1941*. New York: Locust Valley.
- Price, I.R., 1960. *Annual Report of the South Indian Labour Fund Board, 1959*. Kuala Lumpur: Government Printer Federation of Malaya.
- Robert L. Jarmen (ed), 1998. *Annual Reports of the Straits Settlements, 1908, 1855-1941*. Jil. 6 (1908-1914), London: Archive Editions Limited.
- Sandhu, K.S., 1969. *Indians in Malaya: Some Aspects of their Immigration and Settlement (1786-1957)*. Cambridge: The University Press.
- Sivachandralingam Sundara Raja, 2005. *Sejarah Perdagangan Bebas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Stenson, Michael, 1980. *Class, Race and Colonialism in West Malaysia, The India Case*. St. Lucia: University of Queensland Press.
- Tate, D.J.M., 1996. *The RGA History of the Plantation History in the Malay Peninsula*. Oxford: Oxford University Press.
- Turner, G.E., 1954. Indian Immigration Committee. *Malayan Historical Journal*, vol. 1, No. 2.

